

BERITA HARIAN

DATE: 26 / 09 / 2007

Dr M mulai sedar, stabil

BH - 26/9/2007

IJN sahkan bekas Perdana Menteri mula kurangkan bantuan ubat

Oleh Sazarina Shahrin

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terus berada dalam keadaan stabil dan sudah kembali sedar selepas tiga hari menjalani pembedahan membersihkan luka di Institut Jantung Negara (IJN) pada Sabtu lalu.

IJN dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam, berkata bekas Perdana Menteri itu boleh menerima kunjungan pelawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) namun, ia hanya dihadkan kepada keluarga terdekat.

"Doktor merawatnya berpuas hati dengan perkembangan ditunjukkan Dr Mahathir dan mula mengurang-

kan bantuan ubat secara perlahan-lahan kerana beliau sudah kembali sedar," katanya.

Anak Dr Mahathir, Datin Paduka Marina dalam laman blognya yang digunakan sebagai sumber rasmi keluarga berkata, khabar angin sebelum ini mengenai keadaan kesihatan Dr Mahathir mungkin disebabkan penggunaan perkataan 'bantuan pernafasan' dalam kenyataan IJN.

"Dalam kes ini, ia bermakna penggunaan alat bantuan pernafasan. Selepas pembedahan besar seperti yang ayah jalani, pesakit selalunya terlalu lemah untuk bernafas sendiri dan alat itu membantu mereka. Ia tidak bermakna penggunaannya menunjukkan tanda tidak baik," katanya.

Beliau juga dimaklumkan oleh ibunya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali bahawa Dr Mahathir juga semakin sedar dan sudah lebih peka dengan keadaan sekeliling.

"Ibu memegang tangan ayah lantas menyuruhnya cuba melepaskan pe-

“*Satu lagi tanda positif, ibu beritahu ayah sudah mula tunjukkan tanda tak sabarnya”*

Marina Mahathir
Anak

gangan tangan ibu dan ayah hampir berjaya melakukannya. Satu lagi tanda positif, ibu beritahu bahawa ayah sudah mula menunjukkan tanda tidak sabarnya," katanya.

Marina berkata, beliau diberitahu oleh Mufti Perlis, Dr Asri Zainal Abidin bahawa semua masjid di negeri akan berdoa dan mengadakan bacaan Qunut Nazilah pada solat witr setiap malam bagi mendoakan kesihatan Dr Mahathir.

"Kami amat berterima kasih kepada kerajaan dan warga Perlis. Juga kepada semua yang sentiasa membuat solat hajat di masjid ataupun di rumah. Insya-Allah, semua doa kita akan direstui dan diperkenankan Allah," katanya.